

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR B. RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 20 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan bahawa Kerajaan akan mengenakan hukuman yang berat terhadap pengkhianat yang bersubahat dalam penyaludutan masuk pendatang asing tanpa izin (PATI) dan apakah langkah-langkah penambahaikan yang akan diambil bagi mengekang perkara seperti ini dari berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk membanteras jenayah penyeludupan migran atau pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia. Dalam hal ini, mekanisma perundangan sedia ada seperti Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 jelas menerangkan mengenai hukuman kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan penyeludupan migran ke Malaysia dan kepada mana-mana orang yang bersubahat dalam melakukan jenayah tersebut.

Mana-mana individu atau pertubuhan perbadanan yang didapati bersalah melakukan jenayah penyeludupan migran atau yang bersubahat dalam jenayah tersebut boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi daripada tiga (3) tahun hingga tempoh maksimum dua puluh (20) tahun, dan boleh juga boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM50,000.00 hingga RM1,000,000.00 bagi individu serta minimum RM1,000,000.00 dan RM5,000,000.00 bagi pertubuhan perbadanan, atau kedua-duanya sekali. Tambahan pula, Kerajaan kini dalam proses meminda Akta ATIPSOM 2007 yang secara khusus mengkaji hukuman yang lebih berat kepada mana-mana individu yang melakukan atau bersubahat melakukan jenayah penyeludupan migran.

Dalam usaha berterusan Kerajaan menangani isu penyeludupan migran ke Malaysia, Kerajaan telah menujuhkan *National Task Force* (NTF) yang dianggotai oleh Angkatan Tentara Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta melaksanakan Operasi Benteng bagi mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu daripada dibolosi oleh PATI. Pada masa yang sama, PDRM telah menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk menahan dan menyiasat ahli-ahli sindiket penyeludupan migran termasuk tekong laut, tekong darat, agen dan penyedia rumah tumpangan.